

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Second Semester Examination  
Academic Session 2006/2007

April 2007

**RPK 233 – Kaedah Analisis Perancangan**  
**(*Methods of Planning Analysis*)**

Masa: 3 jam  
(*Duration: 3 hours*)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Please check that this examination paper consists of **FOUR** printed pages before you begin the examination.*

Jawab **SEMUA** soalan.

Answer **ALL** questions.

...2/-

- 2 -

1. (a) Bincangkan maksud serta kepentingan istilah-istilah berikut dalam penganalisaan data kuantitatif:-
- (i) kesahihan
  - (ii) kebolehpercayaan

*Discuss the meaning and the importance of the following terms in the analysis of quantitative data.*

- (i) validity
- (ii) reliability

(10 markah/marks)

- (b) Anda dikehendaki membuat satu penyelidikan kuantitatif mengenai pendapat pelajar-pelajar USM mengenai isu alam sekitar. Bincangkan prosedur bagaimana anda akan melakukan kajian ini dengan mengambil kira bahawa anda ingin membuat "generalization" terhadap penemuan kajian.

*You are asked to do a quantitative research on the perceptions of USM students on issues relating to the environment. Discuss the procedures involved in doing the research, bearing in mind that you would like to generalize your findings.*

(15 markah/marks)

2. (a) Terangkan model dan konsep berikut:-
- (i) Model Cohort Survival
  - (ii) Model Alonso
  - (iii) Perumahan Mampan

*Explain the following models and concept:-*

- (i) Cohort Survival Model
- (ii) Alonso Model
- (iii) Sustainable Housing

(15 markah/marks)

...3/-

- (b) Anda sebagai pegawai perancang di sebuah majlis perbandaran di Malaysia diberi tugasan untuk mengenalpasti tapak yang sesuai bagi projek pembinaan perumahan kos rendah di kawasan anda. Berdasarkan kepada model gunatanah yang dipelajari dalam kuliah, bincangkan aspek-aspek gunatanah dan persekitaran yang perlu diambil kira dalam membuat keputusan pemilihan tapak bagi projek tersebut. Nyatakan andaian yang anda gunakan dalam perbincangan ini.

*Being a town planner working in one of the city councils in Malaysia, you have been asked to identify a suitable site for a low cost housing project in your area. Based on the land use models you have learned in class, discuss the land use and environmental aspects you would have to consider in making decisions concerning the project site. Explain the assumptions used in your arguments.*

(10 markah/marks)

3. (a) Bincangkan apakah yang anda faham dengan **Analisis Kos Faedah**?

*Describe what is Cost Benefit Analysis?*

- (b) Berdasarkan **Jadual 1** dan beberapa andaian, unjurkan isipadu lalu lintas untuk tahun 2010. Carikan **Darjah Kesesakan** bagi rangkaian jalan raya A, B dan C pada tahun 2010. Bincangkan **TIGA (3)** strategi ke arah menyelesaikan masalah yang dijangkakan akan berlaku.

*Based on TABLE 1 and various assumptions, project the traffic volume for the year 2010. Find the Degree of Congestion for the roads network A, B, and C for the year 2010. Discuss THREE (3) strategies towards solving the anticipated problems that would occur.*

**JADUAL 1 (TABLE 1)**

<b>Jalan (Road)</b>		<b>Purata Isipadu Lalu Lintas (Average Traffic Volume) (PCU)</b>	
<b>Nama (Name)</b>	<b>Muatan (Capacity) (PCU)</b>	<b>2004</b>	<b>2006</b>
A	2900	1800	2300
B	3300	2000	2400
C	3800	3100	3800

(25 markah/marks)

- 4 -

4. (a) Anda terlibat dalam mengendalikan temuduga untuk menilai persepsi penduduk tempatan terhadap pembangunan pelancongan di Langkawi. Bincangkan kemungkinan tema yang akan diperolehi dan kaitkan perbincangan anda dengan tiga peringkat data analisis kaedah kualitatif.

*You are engaged in in-depth interviews to gauge local perception on tourism development in Langkawi. Discuss the possible themes that might be generated and relate your discussion to the three stages of data analysis in qualitative research.*

(15 markah/marks)

- (b) Memandangkan data yang diperolehi menggunakan Bahasa Malaysia, bincangkan isu-isu yang akan timbul di peringkat data analisis sekiranya data tersebut memerlukan terjemahan kepada Bahasa Inggeris. Bincangkan penyelesaian.

*Since the data collected is in Malay Language, what will be the issues in data analysis when it requires translation into English? Discuss the solutions.*

(5 markah/marks)

- (c) Anda bercadang untuk tidak menggunakan perisian komputer ketika menganalisis data tersebut berdasarkan kepada beberapa kelemahan. Bincangkan.

*You decide not to use computer software in analyzing the data due to several limitations. Discuss*

(5 markah/marks)

-ooo O ooo-